



17 JAN, 2026

21 anak yatim dan asnaf terima bantuan persekolahan

Utusan Malaysia, Malaysia



21 anak yatim dan asnaf terima bantuan persekolahan

SERAMAI 21 anak yatim dan asnaf asrama Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Al-Ihsan (PKAYIA) Lipis menerima bantuan pembelian pakaian seragam sekolah dan alat tulis di Sungai Kerpan, Kuala Lipis baru-baru ini.

Pengurus PKAYIA Lipis, Siti Najihah Amney Noor berkata, sumbangan bernilai RM5,000 itu diterima daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Bantuan tersebut membolehkan pelajar berbelanja keperluan persekolahan di pasar raya tempatan.

Katanya, inisiatif ini meringankan beban golongan anak yatim dan asnaf sekali gus menceriakan mereka untuk kembali ke sekolah rendah dan menengah di sekitar bandar Kuala Lipis.

Program ini bukan sahaja memenuhi keperluan asas pelajar, malah memberi semangat kepada mereka untuk terus menimba ilmu dan berkembang secara positif dalam komuniti.

■ SEBAHAGIAN anak yatim dan asnaf PKAYIA Lipis selepas berbelanja pakaian seragam sekolah dan alat tulis di bandar Kuala Lipis baru-baru ini.